

## 1. PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP PENGURUSAN PENYELIDIKAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Dalam menjayakan aktiviti penyelidikan Universiti Sains Malaysia kerjasama semua pihak yang berkenaan diperlukan. Pihak yang bertanggungjawab dalam pengurusan penyelidikan di Universiti Sains Malaysia ialah:

### 1.1 Jawatankuasa Pelantar Penyelidikan

#### 1.1.1 Fungsi jawatankuasa pelantar penyelidikan

- a) Memproses semua permohonan geran penyelidikan dari Pusat Tanggungjawab yang terlibat.
- b) Menilai cadangan penyelidikan (*research proposal*) yang diterima.
- c) Memastikan kualiti geran/ cadangan penyelidikan dan peruntukan yang dipohon memenuhi syarat – syarat yang ditetapkan.
- d) Memantau status geran penyelidikan.
- e) Menubuh/memantapkan kluster penyelidikan.
- f) Berbincang mengenai strategi/halatuju pelantar dan isu-isu berbangkit dari mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Penyelidikan.

#### 1.1.2 Terdapat tujuh (7) pelantar penyelidikan di USM buat masa ini.

- a) Pelantar Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- b) Pelantar Transformasi Sosial
- c) Pelantar Sains Fundamental
- d) Pelantar Sains Hayat
- e) Pelantar Kejuruteraan dan Teknologi
- f) Pelantar Sains Kesihatan dan Bioperubatan
- g) Pelantar Sains Klinikal

## **1.2 Pejabat Pengurusan dan Kreativiti Penyelidikan (RCMO):**

**Bertanggungjawab terhadap pengurusan projek penyelidikan secara keseluruhan.**

- a) Mengeluarkan surat kelulusan menjalankan projek penyelidikan
- b) Meluluskan pembukaan dan penutupan akaun projek penyelidikan
- c) Meluluskan agihan peruntukan /tambahan peruntukan
- d) Meluluskan senarai aset
- e) Menguruskan perantikan staf projek penyelidikan
- f) Menguruskan perlanjutan dan penamatan tempoh projek penyelidikan.

**Nota: SEMUA GERAN PENYELIDIKAN YANG DISALURKAN KEPADA PENYELIDIK MESTILAH MELALUI PEJABAT PENGURUSAN DAN KREATIVITI PENYELIDIKAN.**

## **1.3 Jabatan Bendahari**

**1.3.1 Bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan dan perakaunan projek penyelidikan**

- a) Menguruskan pembukaan dan penutupan akaun
- b) Mengemaskini peruntukan yang diluluskan
- c) Menguruskan perolehan
- d) Menguruskan pembayaran
- e) Menguruskan harta
- f) Menyediakan penyata dan mengedarkan penyata kepada penyelidik